

PASANG SURUT PEKERJA ASING DAN KESANNYA TERHADAP PEMBANGUNAN NEGARA (1906-1959)

Noralipah Haji Mohamed

Abstract

Foreign workers which were initially brought into Brunei Darussalam by the British Residents in order to occupy basic positions in the national administration had tremendous effect on the country. The total number of the foreign workers increases continually since various type of economic activities evolved under the British planning. It cannot be denied that the increase of the number of foreign workers in Brunei has been corresponding to its development of economic activities. This can be analysed through the observation on the various economic activities in Brunei and its relationship with the increase and the decrease of the number of foreign workers from 1906 until 1959. As such, this paper discusses the effect of the arrival of foreign workers towards national development.

Pengenalan

Permintaan kepada pekerja asing yang pada mulanya bertujuan untuk memenuhi beberapa posisi asas dalam pentadbiran negara yang diperkenalkan oleh Residen British nyata membawa kesan yang besar kepada negara. Bermula dengan bilangan yang kecil, kemudian jumlah pekerja asing ini semakin meningkat apabila beberapa jenis aktiviti ekonomi di bawah perencanaan pihak British berkembang. Tidak dinafikan bahawa perkembangan bilangan kedatangan pekerja asing ke Brunei selari dengan perkembangan aktiviti ekonomi di negara ini. Ini dapat dilihat melalui pemerhatian ke atas beberapa jenis aktiviti ekonomi yang pernah terdapat di negara Brunei Darussalam satu ketika dulu dan hubungannya dengan peningkatan dan penurunan angka pekerja asing di Brunei di antara tahun 1906 hingga 1959. Kertas ini juga akan turut membincangkan kesan kedatangan pekerja asing terhadap pembangunan negara dan diakhiri dengan kesimpulan terhadap keseluruhan perbincangan.

Sejarah Aktiviti Ekonomi di Brunei

Aktiviti Ekonomi Tradisi

Brunei, sebelum menerima British sebagai mereka yang bertanggungjawab membawa perubahan kepada sistem pentadbiran Negara Brunei Darussalam dari konsep atau sistem yang berbentuk tradisi membawa kepada konsep atau sistem moden, adalah sebuah negara yang menggunakan tenaga kerja tempatan secara keseluruhannya. Konsep pemerintahan tradisi yang diamalkan oleh Negara Brunei

Darussalam pada masa ini disesuaikan dengan amalan konsep ekonomi tradisi yang lebih mengarah kepada konsep ekonomi yang hasilnya hanya dalam konsumsi persendirian.

Aktiviti ekonomi pada ketika itu yang lebih berbentuk 'sara hidup' hanya memerlukan ahli keluarga untuk menjadi pekerja. Terdapat beberapa jenis perusahaan tradisi yang diusahakan termasuklah perusahaan pertukangan tembaga, perusahaan bertenun kain, perusahaan membuat kapur, gula apung atau gula anau juga perusahaan membuat kayu arang, belacan dan garam (Sabihah Osman et. al. 1995). Selain dari itu, terdapat juga beberapa aktiviti membuat perahu dan tongkang, aktiviti perikanan, mengumpulkan kulit bakau dan eksport hasil hutan. Namun hasil-hasil ini tetap tidak membawa keuntungan kepada negara kerana ia tidak pernah dimajukan (Shahrol Amira Abdullah, 1992/1993). Rata-rata beberapa jenis aktiviti ekonomi dilakukan untuk keperluan diri sendiri kerana pada zaman tersebut alternatif bagi barangan keperluan tersebut belum dapat diperolehi secara mudah. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa aktiviti ekonomi berbentuk pertukaran barang dan jual beli yang dilakukan oleh 'pengalu' dan 'padian'. Namun begitu, aktiviti ini tetap dijalankan di kawasan perairan dan barangan yang diniagakan hanya dalam bentuk barangan keperluan sehari-hari. Pelakunya terdiri daripada masyarakat tempatan dan tidak memerlukan mereka yang berasal luar dari Brunei. Usaha kecil-kecilan ini dilihat tidak memberikan satu hasil yang membawa kepada perkembangan ekonomi Brunei. Hal ini dilihat sedemikian kerana di awal abad ke 20, Brunei dikatakan mempunyai keadaan kewangan yang sangat teruk. Jatswan S. Sidhu (1995) mengatakan bahawa:

"Sewaktu ketibaan Residen pertama ke Brunei, keadaan ekonomi Negara tersebut begitu teruk kerana bukan sahaja ekonominya masih berbentuk sara diri, malah tidak ada satu sistem pencukaian yang teratur dan selaras yang dapat mengisi perbendaharaan kerajaan."

Kedatangan British Residen pada tahun 1906 telah membawa satu perubahan positif yang sangat ketara. Ini dimulai dengan perpindahan lokasi pusat pentadbiran dari lokasi di perairan kepada perpindahan ke kawasan daratan. Ini adalah strategi pertama pihak British untuk membawa Brunei ke bentuk sistem pentadbiran moden kerana bagi mereka sesebuah negeri itu masih belum diiktiraf maju selagi masih mempunyai pusat pentadbiran yang berpusat di air seperti yang dicatatkan di dalam Brunei Annual Report¹ 1910 (BAR 1910: 15).

"The country will not, and cannot, ever really advance until the capital is on dry land".

Aktiviti Ekonomi Berbentuk Moden

Untuk langkah seterusnya, pihak British perlahan-lahan cuba merubah kehidupan rakyat Negeri Brunei dengan memperkenalkan beberapa kemudahan sosial seperti memperkenalkan sistem pendidikan sekular dan diikuti dengan mengadakan khidmat perubatan kepada penduduk Negeri Brunei dan kemudiannya membenarkan orang tempatan untuk ikutserta di dalam pentadbiran Negeri Brunei walaupun jawatannya hanya pada posisi yang paling rendah. Di zaman tersebut, dilaporkan bahawa memang sukar untuk memperolehi orang tempatan yang benar-benar berkebolehan untuk ditempatkan ke dalam sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Residen British. Ini dilaporkan sendiri oleh Harvey Chevallier pada

tahun 1911 yang mengatakan bahawa 'sukar sekali untuk mencari orang-orang tempatan yang tahu membaca dan menulis'. Punca utamanya adalah kerana tidak ada institusi pendidikan formal yang didirikan di Brunei ketika itu. Hanya pada tahun 1914, pendidikan formal pertama diadakan di Bandar Brunei (BAR 1914).

Walaupun mengalami beberapa kesukaran untuk membawa Brunei ke bentuk sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Residen, usaha ini tetap diteruskan. Di antara perubahan yang sangat penting yang telah dibuat oleh pihak British terhadap Negeri Brunei ialah memperkenalkan Brunei kepada konsep ekonomi yang lebih mengarah kepada konsep moden. Sumber ekonomi yang berpunca dari sumber alam semulajadi mula dijadikan sasaran. Antara sumber alam semulajadi yang dijadikan tumpuan ialah perusahaan getah (*rubber*), arang batu (*coal*), sagu dan yang terbaru ialah perusahaan minyak. Kegiatan ekonomi yang bersumberkan alam ini sedikit pada mulanya dan kemudian semakin bertambah meningkat kuantitinya berdasarkan kepada kepentingan dan keperluan satu-satu aktiviti ekonomi yang diusahakan.

Perusahaan getah dilihat sebagai salah satu perusahaan yang boleh menyumbang hasil yang lumayan berdasarkan kepada harganya yang mahal. Besarnya sumbangan perusahaan getah terhadap negara dilihat apabila sekitar pertengahan tahun 1920an, perusahaan getah telah menjadi antara eksport utama negara dengan mencatatkan sebanyak 70.9% dari jumlah eksport keseluruhan negara (Jiram Jamit, 1997). Memandangkan pohon getah antara tumbuhan yang tumbuh liar di sekitar kawasan hutan terutamanya di Daerah Temburong, maka ia menarik minat para pelabur asing untuk mengusahakannya. Secara besar-besaran termasuklah Syarikat Batu Apoi (Brunei) Rubber Syndicate, Brunei Estate Ltd., Syarikat Liverpool (Brunei) Para Rubber dan Syarikat Brunei (Borneo) Rubber Land Co. Ltd. Usaha ini telah menarik minat pekerja-pekerja tempatan dan luar negara yang pada keseluruhannya membawa kepada keramaian lebih 500 orang (Sabullah Haji Haki, 1994). Selain di Daerah Temburong, perusahaan ini juga telah dilaratkan di beberapa tempat di Daerah Brunei. Ini dapat dilihat seperti dalam Jadual berikut:

Jadual 1: Senarai Ladang Getah Kepunyaan Orang Eropah Semasa Era Residen 1906-1959

LADANG	TAHUN	MILIK
Labu	1906 1911 - 1958	Mr Abrahamson Brunei Rubber & Land Company
Biang	1910 1911 - 1918 1918 - 1929 1929 - 1959	Mr GJ Altman Brunei Estates Limited Tidak diperolehi Lawas (Sarawak) Rubber Estates Ltd
Batu Apoi	1910 1912 - 1929 1929 - 1959	Mr J Kime Liverpool (Brunei) Para Rubber Company Lawas Rubber Estates Limited
Gadong	1922	Island Trading Company
Gumbang Pasang	1910 1920 - 1953	Mr Hatton Hall Brunei United Plantations Limited

Sumber: AVM Horton, 1985, *The Development of Brunei During the British Residential Era 1906-1959: A Sultanate Generated*, PhD Thesis, University of Hull, 1985 (Hlm. 205)

Pelbagai usaha telah dilakukan untuk melihat perusahaan ini bertahan lama. Antaranya termasuklah dengan mengikuti undang-undang "The Export of Rubber (Restriction) Enactment" pada tahun 1928 dan menyertai pertandingan mutu getah pada tahun 1939. Selain itu pihak kerajaan juga mengambil seorang pegawai dari luar yang berkemahiran untuk memberikan tunjuk ajar mengenai perusahaan yang bersangkutan paut dengan getah.

Dengan usaha-usaha yang dilakukan, jelas bahawa perusahaan getah dianggap sebagai salah satu perusahaan yang memberikan keuntungan kepada negara. Yang jelas ia juga turut menarik ramai pelabur asing dalam sama-sama mengambil faedah darinya. Walau bagaimanapun, usaha tersebut akhirnya tidak berhasil akibat faktor kejatuhan harga getah di pasaran antarabangsa, juga akibat dari persaingan dari perusahaan yang lain seperti perusahaan minyak, tidak kurang pula akibat dari meletusnya Perang Dunia Kedua.

Selain perusahaan getah, perusahaan arang batu juga dilihat sebagai memberikan sumbangan kepada ekonomi negara di antara tahun 1914 hingga pertengahan tahun 1920an walaupun dilihat ia tidak dapat menandingi sumbangan perusahaan getah. Perusahaan arang batu juga turut diusahakan oleh pengusaha dari luar negara. Kepentingan perusahaan ketara apabila di sekitar tahun 1918, ia telah menyumbangkan nilai eksport terbesar dari jumlah eksport keseluruhan (Jiram Jamit 1997). Di antara tahun 1906 hingga 1924, eksport terhadap perusahaan ini telah mencecah sehingga \$26 888 400. Ini menunjukkan bahawa perusahaan ini juga tidak kurang pentingnya berbanding dengan perusahaan yang lain. Namun begitu, tidak seperti perusahaan getah, perusahaan arang batu telah menampakkan kejatuhannya lebih awal iaitu di sekitar tahun 1920an apabila pajakan terhadap ladang yang dimonopoli oleh keluarga Brooke telah berakhir. Mulai saat tersebut, perusahaan ini telah dilakukan secara manual dan seterusnya mengalihkan minat para pengusaha tempatan kepada perusahaan lain yang dapat memberikan keuntungan dan menghasilkan pendapatan yang lebih besar berbanding perusahaan ini.

Perusahaan sagu pula adalah salah satu lagi perusahaan yang juga turut memberikan sumbangan besar terhadap ekonomi negara. Aktiviti ini aktif diusahakan di Daerah Temburong, Tutong dan Kuala Balai (Daerah Belait). Di saat pihak residen masih mencari-cari perusahaan yang dapat memberikan lebih keuntungan kepada negara, perusahaan turut bergerak pantas sehingga hasilnya telah dapat dieksport hingga ke negara Singapura sekitar tahun 1910. Hasil perusahaan sagu yang dieksport pada masa itu ialah dari jenis mutiara yang digelar sebagai 'pearl sago' atau 'Borneo Sago No. 1'. Hasil perusahaan ini mencapai kenaikan pada tahun 1920 dengan kadar nilai peningkatan eksport kepada \$84, 512.00 (Sabullah Haji Hakip 1994). Secara tidak langsung ia menjadi antara penyumbang utama kepada ekonomi negara di antara tahun-tahun tersebut.

Salah satu perusahaan yang turut menjadi penyumbang yang dianggap penting kepada ekonomi negara ialah perusahaan ubar (*cutch*). Perusahaan ini turut juga dikenali sebagai perusahaan menguliti kayu bakau. Perusahaan ini telah mendapat sambutan daripada pasaran antarabangsa yang sangat ketara. Eksportnya telah dicatatkan sehingga melewati ke negara Hong Kong, England dan juga Amerika. Salah satu sebab perusahaan ini mendapat tempat sebagai antara perusahaan yang penting ialah kerana pada masa tersebut, negara belum mempunyai sebarang undang-undang pengawalan hutan kerajaan. Memandangkan kayu bakau merupakan jenis tumbuhan yang mengambil masa lama untuk

membesar dan ditambah lagi pemotongan kayu bakau tiada had, akhirnya pengusaha-pengusaha kekurangan bekalan. Dalam masa yang sama juga tiada usaha untuk menanam semula dilakukan membuatkan terjadi kemerosotan bekalan dan membawa kepada kejatuhan perusahaan ini. Ini ditambah lagi apabila pengusahanya, The Island Trading Syndicate telah mengalihkan perusahaannya ke Sarawak memandangkan di sana memberikan peluang terbuka untuk perusahaan ini. Dengan lulusnya Undang-Undang Hutan Simpan pada tahun 1948 turut memberikan impak kepada perusahaan ini apabila hanya beberapa buah syarikat tertentu diberikan kebenaran untuk menjalankan aktiviti pembalakan.

Aktiviti perusahaan minyak pula adalah perusahaan penting negara hingga ke hari ini. Sumbangan perusahaan ini kepada ekonomi negara sudah tidak dapat dipertikaikan lagi. Percubaan penerokaan minyak telah dilakukan di awal abad ke 20, namun ia tidak berhasil. Usaha yang dilakukan oleh syarikat British Borneo Petroleum Syndicate menampakkan keberhasilan apabila mula menemui minyak atas hasil galian di kawasan Labi dan ternyata minyak tersebut mempunyai kualiti yang tinggi. Menyedari akan potensi yang bakal diperolehi akan lebih menguntungkan, usaha penggalian terus dijalankan sehingga pada 5 April 1929, sebuah telaga minyak terbesar telah ditemui di Seria. Bertitik tolak dari sini, negara telah mula mencapai pendapatan negara yang sangat besar. Sehingga ke tahun 1959 saja, negara telah mencapai ke tahap jumlah lebihan pendapatan sebanyak \$99,149, 626, satu jumlah lebihan yang sangat besar. Jumlah pendapatan hasil dari industri minyak tidak dapat dipertikaikan lagi apabila hasil darinya mampu melangsaikan semua hutang-hutang negara kepada Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Dengan adanya industri ini, ia bukan saja mampu menjadi tempat bergantung ekonomi negara tetapi dalam masa yang sama ia turut menyumbang kepada penyediaan kerja sehingga dicatatkan pada tahun 1951, 'tiada lagi pengangguran di Brunei dan jumlah pekerjaan jauh melebihi jumlah penawaran tenaga buruh' (Jatswan S. Sidhu 1995).

Dengan melihat kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dinyatakan di atas, jelas negara memerlukan sejumlah tenaga kerja yang bukan sedikit. Buktinya terjadi pasang surut terhadap kedatangan pekerja asing ke negara ini selari dengan permintaannya bergantung kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan.

Pasang Surut Kedatangan Pekerja Asing (1906 Hingga 1959)

Konsep penghijrahan pekerja asing ke negara-negara tujuan mereka dilihat atas beberapa faktor. Salah satu faktor dilihat bahawa partisipasi tenaga buruh berubah mengikut perubahan sistem ekonomi sesebuah negara. Penghijrahan kelompok manusia dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain bukan lagi disebabkan perpindahan atas sebab aktiviti perhambaan atau pelarian tetapi lebih kepada impak dari pembangunan yang bersifat kapitalis dan berkehendakkan kepada upah atau gaji. Weber (Miles 1987) melihat bahawa penghijrahan tenaga buruh bebas (*free labour*) adalah sinonim kepada sistem pembangunan yang bersifat kapitalis.

Dalam konteks negara ini, kedatangan pekerja asing ke negara ini jelas disebabkan oleh perubahan aktiviti ekonomi negara yang asalnya dari sekitar

perairan semata-mata membawa kepada aktiviti yang tertumpu di kawasan daratan. Perpindahan tersebut juga berdasarkan kepada kehendak residen British yang melihat konteks negara moden lebih sinonim dengan aktiviti ekonomi yang tertumpu di kawasan daratan. Dalam konteks negara Brunei yang menerima kedatangan residen British pada tahun 1906, negara dilihat tidak memerlukan khidmat tenaga kerja asing seawal kedatangan residen British sekitar awal abad ke 20. Hal ini disedari apabila berdasarkan kepada pendekatan mengenai aktiviti ekonomi seperti yang telah dinyatakan di atas.

Berdasarkan laporan tahun Brunei yang dicatatkan antara tahun 1906 hingga tahun 1959, kemasukan pekerja asing ke Brunei jelas ketara apabila aktiviti ekonomi negara bergerak lancar sekitar tahun 1920an. Apalagi setelah hasil dari aktiviti-aktiviti ekonomi yang telah dijelaskan di atas mula mendapat sambutan di pasaran antarabangsa dengan jumlah eksport yang besar. Sebelum itu, tiada catatan khusus di dalam laporan tahunan mengenai buruh. Tempias dari aktiviti ekonomi tersebut membawa kepada pasang surut kemasukan pekerja asing ke negara ini di sekitar tahun 1906 hingga 1959. Perlunya negara berkehendakkan kedatangan pekerja asing di sekitar tahun tersebut antaranya disebabkan oleh faktor kekurangan penduduk. Menurut catatan BAR 1906, jumlah penduduk negara pada ketika itu dijangkakan 25,000 orang dengan pembahagian seperti berikut:

Jadual 2: Keramaian Penduduk Brunei pada tahun 1906

Bangsa/Puak	Bilangan
Melayu	12,000
Kedayan	7,000
Bisaya	4,000
Murut	1,000
China	500
Warganegara lain	500
Jumlah	25,000

Sumber: Brunei Annual Report 1906

Namun begitu, tidak dinafikan bahawa peningkatan demi peningkatan berlaku dari setahun ke setahun tetapi ini masih timbul masalah tentang partisipasi mereka dalam sistem pentadbiran moden yang diperkenalkan oleh residen British pada masa itu. Dicapitkan bahawa orang tempatan cuma diletakkan pada posisi jawatan yang rendah saja dalam pentadbiran kerajaan moden kerana pada masa itu tidak ramai orang tempatan yang tahu membaca dan menulis dan juga kerana 'orang tempatan yang memegang jawatan-jawatan di pedalaman, kebanyakan dari mereka tidak berpengetahuan dan pengalaman' makanya tidak sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan di pejabat-pejabat kerajaan ketika itu. AVM Horton melihat bahawa 'antara salah satu masalah ekonomi Brunei yang utama ialah kekurangan tenaga manusia' (Mohd Shahrol Amira Abdullah 1992/1993). Ini memaksa pengusaha beberapa aktiviti ekonomi untuk membawa masuk sejumlah pekerja asing mengikut keperluan dan kepakaran masing-masing. Dimulai dengan kemasukan beberapa orang India untuk ditugaskan sebagai anggota polis pada tahun 1906, jumlah ini meningkat dari setahun ke setahun.

Tahun 1906 – 1919

Apabila pihak residen British sudah mula bertapak di Brunei seawal tahun 1906, negara mula mengalami perubahan besar secara perlahan-lahan. Hal ini telah membawa kesan yang besar terhadap pembangunan negara. Dengan perencanaan pembangunan yang pelbagai, pastinya memerlukan tenaga buruh yang bukan sedikit jumlahnya. Di awal perencanaan tersebut, tenaga kerja tempatan turut digunakan untuk memenuhi keperluan pentadbiran walaupun hanya pada tahap posisi jawatan yang rendah. Di tahap ini juga, beberapa orang polis berbangsa India ditempatkan secara sementara bagi memastikan keamanan terutamanya bagi rakyat British yang ditempatkan di Brunei pada ketika itu. Sebelum tahun 1920an, tenaga kerja tempatan masih digunakan untuk memenuhi keperluan penghasilan ladang-ladang yang diusahakan oleh pelabur Eropah. Sebagai contoh sekitar tahun 1906, industri ubar (cutch) yang diusahakan oleh Island Trading Syndicate telah menggaji lebih kurang 100 orang Melayu tempatan untuk bekerja sebagai pemotong bakau dan pemotong kayu api (Jatswan S. Sidhu 1995). Ini merupakan antara sumber pendapatan mereka selain daripada menjadi nelayan sepenuh masa. Permintaan terhadap pekerja asing pasti ada tetapi tidak begitu ditonjolkan.

Tahun 1920-1930

Akibat dari masalah kekurangan tenaga kerja yang diperlukan, beberapa industri telah memohon untuk membawa masuk sejumlah pekerja asing untuk ditempatkan ke dalam perusahaan mereka. Seawal tahun 1920, kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang getah telah membuatkan kerajaan menerima permohonan dari pengusaha-pengusaha ini untuk membawa masuk sejumlah besar pekerja India. Namun, ia tidak dapat diteruskan akibat dari masalah dalaman yang dihadapi yang mengakibatkan ramai pekerja tempatan tidak bekerja. Sebaliknya, sekitar tahun 1921, bangsa Cina pula mencatat bilangan yang tertinggi dengan jumlah 1,423 orang (sila lihat Jadual 3). Menurut Jatswan S. Sidhu (1995), bangsa Cina yang bekerja di Brunei pada ketika itu berpunca dari tarikan kemajuan industri Getah. Rata-rata bangsa Cina yang datang ke Brunei pada masa itu bukanlah berasal dari negara China tetapi mereka berasal dari negara jiran seperti Singapura atau Sarawak.

Jadual 3: Penduduk Brunei Tahun 1921 dan 1931

Kaum/Tahun	1921		1931	
	Bil.	%	Bil.	%
European	35	0.1	60	0.2
Eurasians	1		10	
Melayu	23,943	94.1	26,293	87.3
Lain-lain Melayu			679	2.3
Cina	1,423	5.6	2,683	8.9
India	38	0.2	377	1.3
Lain-lain	11		33	
Jumlah	25,451	100	30,135	100

Sumber: Jiram Jamit, 1997, *Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959)*, Tesis MA, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

Selain berperanan penting dalam beberapa aktiviti yang telah disebutkan di atas, komuniti Cina juga dianggap sebagai pemilik kedai-kedai runcit. Selain itu, sekitar tahun 1920an, antara kumpulan pekerja asing yang turut berperanan penting ialah pekerja India dan pekerja Jawa. Menurut catatan dari BAR dari tahun 1922 hingga 1930, jumlah pekerja India ialah 1,413 orang. Manakala kumpulan pekerja Jawa pula mencatatkan keramaian sejumlah 889 orang.

Jumlah ini dilihat agak besar kerana di sekitar tahun 1920an sehingga tahun 1930an, aktiviti ekonomi yang pelbagai telah diusahakan dengan pesatnya sehingga dieksport keluar negara.

Di sekitar tahun ini juga, *The Indian Immigration Enactment* turut diperkenalkan bertindak sebagai memberikan kebenaran untuk membawa masuk pekerja India ke Brunei.

Tahun 1931 hingga 1940

Di sekitar tahun 1931 hingga 1940, peningkatan turut berlaku kepada jumlah pekerja asing tersebut. Tahun 1932 mencatatkan bilangan yang tertinggi iaitu dengan jumlah 951 bagi pekerja berbangsa Cina, 163 orang pula dari bangsa India dan 53 orang dari bangsa Jawa. Kesan dari penemuan minyak pada bulan April 1929 (BAR 1930), membawa kepada peningkatan kepada jumlah pekerja asing yang datang ke negara ini. Selain dari itu juga, jumlah eksport getah yang mencapai hingga 650 tan pada tahun 1926 dan pernyataan yang mengatakan 'keuntungan salah sebuah ladang kepunyaan pelabur Barat berjumlah lebih kurang separuh daripada pendapatan negeri itu' sedikit sebanyak telah mempengaruhi kepada peningkatan jumlah pekerja India di sektor ini.

Tahun 1945 hingga 1950

Apabila Perang Dunia Kedua meletus, ramai pekerja-pekerja dari luar pulang ke tempat masing-masing atas alasan keselamatan dan untuk menjaga kepentingan keluarga mereka. Tambahan pula, aktiviti ekonomi terhenti seketika. Selepas Perang Dunia Kedua, terjadi kenaikan mendadak terhadap permintaan pekerja asing samada pekerja berbangsa Cina, India mahupun pekerja berbangsa Jawa. Dari jumlah 519 orang bagi pekerja berbangsa Cina pada tahun 1946, jumlahnya meningkat kepada 1,273 orang pada tahun 1950. Peningkatan juga terjadi kepada pekerja India dengan jumlah peningkatan sebanyak 197 orang dari tahun 1946 hingga ke tahun 1950. Manakala peningkatan sebanyak dua kali ganda telah berlaku kepada pekerja berbangsa Jawa dengan membawa kepada jumlah 90 orang pada tahun 1950 berbanding 44 orang pada tahun 1946. Terdapat catatan jumlah keramaian pekerja berbangsa Dayak dengan jumlah 910 orang pada tahun 1949. Peningkatan demi peningkatan yang dilihat bagi kesemua pekerja asing ini adalah disebabkan oleh faktor pembangunan. Akibat dari Perang Dunia Kedua, pembinaan semula infrastruktur bandar Brunei diperlukan akibat rosak teruk ketika perang tersebut melanda. Kesannya, sejumlah besar pekerja dari luar diambil untuk sama-sama membangunkan semula Bandar Brunei pada ketika itu. L. W Jones mencatatkan bahawa:

"The number of immigrants into Brunei was equivalent to about 50 percent of the state's population in 1947".

Tahun 1951 hingga 1959

Tahun 1940an membawa kepada tahun 1950an diperkirakan sebagai era membangun semula pembangunan negara selepas perang. Peningkatan mendadak rakyat asing telah berlaku. Bangsa Cina sahaja telah mencatatkan bilangan sehingga 10 040 orang dari jumlah penduduk 54 109 orang (Jatswan S. Sidhu 1995). Sekitar tahun ini, negeri Brunei telah mencatatkan sejarah tersendiri dengan memperkenalkan Penyata Kemajuan Negeri Brunei lima tahun (1953-1958). Penyata ini merupakan Rancangan Pembangunan lima tahun dengan memperuntukkan wang sejumlah \$100,000,000. Dengan pelbagai rancangan pembangunan yang dirangka, kebanyakan pekerja mahir didatangkan dari luar negara. Ini seperti yang tercatat dalam pendahuluan kata penyata tersebut, antaranya:

“...jurutera-jurutera, anggota-anggota, technician, terpaksa diambil bekerja dengan segeranya, dan seorang Pesuruh Jaya Perkembangan (Commisioner of Development) telah pon didapati dari luar negeri untuk mengawasi serta menyelenggarakan ranchangan tersebut. Tuan pegawai itu telah pon tiba ka-Brunei didalam bulan October 1954 serta kebanyakan jerutera-jerutera jalan raya tiba dalam tahun 1955...”

Kesan Kedatangan Pekerja Asing Terhadap Pembangunan Negara

Sudah terbukti bahawa kedatangan pekerja asing telah berlaku sejak kedatangan residen British ke Brunei lagi. Variasi aktiviti ekonomi yang telah berlaku di antara jangkamasa 1906 hingga 1959 turut mengundang kedatangan pekerja asing ke negara ini. Ternyata, kedatangan mereka telah memberikan kesan kepada pembangunan negara. Antaranya yang jelas ialah kesan terhadap pembangunan ekonomi negara, pembangunan sosial termasuk pendidikan dan kesihatan.

Pembangunan ekonomi

Sudah jelas bahawa dengan jumlah penduduk yang sedikit, negara memerlukan pekerja asing untuk sama-sama berpartisipasi dalam membangunkan ekonomi negara. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kedatangan pekerja asing telah banyak membantu dalam merealisasikan lagi perkembangan dalam ekonomi negara. Di saat negara kekurangan tenaga kerja mahir, separuh mahir dan kurang mahir, pekerja dari luar diperlukan untuk memenuhi jawatan-jawatan tersebut. Selain dari itu, kedatangan pelabur-pelabur asing juga telah memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Pihak British Malayan Petroleum Company saja misalnya telah memberikan pekerjaan kepada sejumlah 1,165 orang pada tahun 1938. Namun salah satu perkara penting yang ketara mendatangkan manfaat atas partisipasi pekerja luar dalam pembangunan ekonomi negara ialah apabila kadar pendapatan negara telah meningkat dari setahun ke setahun. Terjadi peningkatan yang membanggakan antara tahun 1936 hingga 1941. Tahun 1936 mencatatkan pendapatan negara ialah \$298 689 manakala sehingga tahun 1941, pendapatan negara pula ialah \$1 325 912 dengan jumlah perbelanjaan negara \$1 137 219 (sila lihat Jadual 4)

Jadual 4: Kewangan Brunei 1936 hingga 1941 dalam nilai ringgit negeri Selat

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan
1936	298 689	779 521
1937	1 049 293	653 149
1938	1 179 977	1 476 725
1939	1 274 644	1 181 325
1940	1 556 354	1 462 174
1941	1 325 912	1 137 219

Sumber: Sabullah bin Haji Hakip, "Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Brunei Dari Tahun 1906-1959", Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1994.

Pembangunan sosial

Pendidikan

Tumpuan kepada memberikan pendidikan kepada rakyat tempatan adalah antara fokus penting dalam pembangunan negara. Kedatangan pekerja asing turut memberikan impak yang positif ke arah ini. Pekerja-pekerja yang didatangkan dari luar negara bukan saja berkepentingan untuk ditempatkan dalam perusahaan-perusahaan bersifat ekonomi tetapi juga mereka didatangkan untuk ditempatkan di sekolah-sekolah yang didirikan oleh residen British. Mereka bertindak sebagai guru pinjaman bagi mengajar anak-anak tempatan dengan tujuan sekadar tahu membaca dan menulis. Jumlah peruntukan dari segi pendidikan jauh meningkat terutama sekali di sekitar tahun 1930an. Ini dapat dilihat apabila peningkatan peruntukan pendidikan telah meningkat kepada \$17,150 pada tahun 1937 berbanding \$2,900 pada tahun 1922. (Sila Lihat Jadual 5)

Jadual 5 : Jumlah Peruntukan Pendidikan dan Polis dari tahun 1922 hingga 1941

Tahun	1922	1923	1937	1938	1941
Pendidikan	\$ 3,348	\$ 2,900	\$17,150	\$20,755	\$42,562
Polis	\$22,644	\$22,840	\$44,039	\$44,539	\$46,632

Sumber: Mohd Shahrol Amira Abdullah, "Sejarah Ekonomi Beberapa Aspek Ekonomi Brunei Dari Tahun 1906 hingga Akhir Tahun 1941", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, 1992/1993.

Kesihatan

Penyediaan kemudahan-kemudahan kesihatan turut didirikan dengan tujuan utamanya untuk menjaga kesejahteraan pekerja-pekerja. Ini telah memberikan keuntungan kepada rakyat setempat kerana mereka turut dapat menikmati kemudahan tersebut. Hospital yang pertama telah dibina oleh British Malayan Petroleum Company di Kuala Belait. Walaupun pada dasarnya ia cuma sebuah hospital milik sebuah syarikat swasta, namun ini telah turut memberikan kesedaran kepada kerajaan tentang peri mustahaknya untuk memiliki sebuah hospital

kerajaan. Tambahan pula ketika aktiviti ekonomi rancak dibuat, pelbagai penyakit berjangkit turut melanda Brunei pada ketika itu khususnya kepada pekerja-pekerja di ladang-ladang getah. Dicatatkan kira-kira 129 orang telah menghidap penyakit malaria dan 47 orang menghidap demam panas pada tahun 1921 (Sabullah Haji Hakiq 1994). Kurang penjagaan kesihatan dan pengabaian tentang kebersihan alam sekitar antara punca menularnya wabak tersebut. Atas kesedaran tentang penjagaan kesihatan, makanya sebuah hospital umum sementara telah dibina pada tahun 1929. Sebelum itu, beberapa orang doktor dari luar telah diambil secara sementara untuk memberikan suntikan dan memberikan perkhidmatan kesihatan yang lain terutamanya bagi ibu-ibu yang mengandung.

Wujudnya kesedaran terhadap penjagaan kesihatan telah memberikan kesan positif kepada pembangunan yang berkaitan dengan penjagaan kesihatan umpamanya penyediaan empangan untuk kemudahan mendapatkan air bersih dan penyediaan tempat pembuangan sampah yang lebih teratur.

Infrastruktur

Selain dari dua kesan yang besar seperti yang dinyatakan di atas, negara juga turut mendapat kesan yang positif dari aspek penyediaan infrastruktur asas seperti pembinaan jalanraya. Sebelum ini Brunei dilaporkan tidak mempunyai sebarang jalanraya yang bersistem. Dengan rancaknya aktiviti ekonominya di Daerah Belait, ini telah memberikan kesan kepada pembinaan jalanraya di negara ini. Beberapa batang jalanraya penghubung antara satu daerah ke daerah yang lain telah dibina umpamanya jalanraya penghubung antara Kuala Belait ke Bandar Brunei telah dibina sepanjang 36.2 batu. Pembinaannya dilakukan secara berperingkat-peringkat. Selain dari itu, kemudahan perkhidmatan pos juga turut dibina bagi kemudahan perhubungan pekerja luar dari Brunei. Sehingga tahun 1940, terdapat tujuh buah pejabat pos telah beroperasi di Brunei (Jatswan S. Sidhu 1995).

Kesimpulan

Kedatangan pekerja asing ke Brunei di antara tahun 1906 hingga 1959 telah mengalami pasang surutnya. Namun yang jelas, peningkatan demi peningkatan jumlah kedatangan mereka lebih ketara apalagi di antara tahun tersebut negara rancak dengan aktiviti ekonominya yang pelbagai. Bukan hanya saja peningkatan berlaku dari segi angka bilangannya tetapi juga peningkatan terhadap variasi bangsa turut terjadi. Setelah sumber minyak dijumpai, permintaan terhadap pekerja asing meningkat secara mendadak. Hal ini tidak dapat disangkal lagi kerana keperluan dalam perusahaan minyak memerlukan tenaga buruh yang ramai. Hasilnya peningkatan tersebut telah membawa kesan positif kepada pembangunan negara terutamanya dari segi pembangunan ekonomi dan sosial negara. Negara turut menikmati kemudahan infrastruktur asas yang direncanakan pada mulanya cuma untuk kemudahan perhubungan pekerja. Jelaslah di sini bahawa tanpa golongan ini negara tidak akan mengecapi pembangunan hari ini.

Nota Hujung

¹ Selepas ini dikenali sebagai **BAR**.

Bibliografi

- Ananta, Aris. *Ekonomi Sumber Daya Manusia*. Jakarta: Universiti Indonesia, 1990.
- Brunei Annual Report* (Pelbagai Keluaran).
- Brunei Darussalam Statistical Yearbook*. Jabatan Perangkaan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi, Brunei Darussalam, 2002.
- Saunders, Graham. *A History of Brunei*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1991.
- Sidhu, Jatswan S. *Sejarah Sosioekonomi Brunei 1906-1959*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Jamit, Jiram. "Perkembangan Pentadbiran Kewangan Brunei di Bawah Sistem Residen (1906-1959)." (Tesis MA. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 1997).
- Kothari, U. "Migration and chronic poverty," Working Paper No. 16, Institute for Development, Policy and Management, University of Manchester, UK. Available: <http://www.chronicpoverty.org/pdfs/MigrationJun-02.pdf>. Assessed on 21 January 2004.
- Miles, R. *Capitalism and Unfree Labour: Anomaly or necessity?*. London: Tavistock Publications, 1987.
- Abdullah, Mohd Shahrol Amira. "Sejarah Ekonomi Beberapa Aspek Ekonomi Brunei Dari Tahun 1906 hingga Akhir Tahun 1941." (Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, 1992/1993).
- Noralipah binti Mohamed. "Pekerja Asing di Negara Brunei Darussalam: Kes Kajian Pekerja Filipina," (Latihan Ilmiah, Universiti Brunei Darussalam, 2001).
- Hakip, Sabullah bin Haji. "Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Brunei Dari Tahun 1906-1959." (Tesis Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1994).